



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

***PENGAMALAN RELIGIOSITI DALAM PEMANTAPAN AKAUNTABILITI  
BELIA MUSLIM PROFESIONAL***

**MOHAMAD ZAID MOHD ZIN**

**IPSS 2018 1**



**PENGAMALAN RELIGIOSITI DALAM PEMANTAPAN AKAUNTABILITI  
BELIA MUSLIM PROFESIONAL**

Oleh

**MOHAMAD ZAID MOHD ZIN**

**Tesis yang dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah ini adalah sebagai  
memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Fاسafah**

**Mac 2018**

## HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Fاسafah

## **PENGAMALAN RELIGIOSITI DALAM PEMANTAPAN AKAUNTABILITI BELIA MUSLIM PROFESIONAL**

Oleh

**MOHAMAD ZAID BIN MOHD ZIN**

**Mac 2018**

**Pengerusi : Profesor Emeritus Azimi Hamzah, Ed.D.**  
**Fakulti : Institut Pengajian Sains Sosial**

Kajian ini bertujuan untuk meneroka pengamalan religiositi di kalangan belia Muslim profesional dalam memantapkan nilai akauntabiliti. Belia Muslim profesional sebagai peneraju dan pemegang amanah di dalam sistem pentadbiran negara merupakan delegasi untuk memacu negara menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020 mengikut model dan acuan tempatan. Tugas belia Muslim profesional bukan sahaja perlu merealisasikan aspek pemantapan akauntabiliti di tempat kerja, malah ia sebenarnya perlu dimulai dengan pengukuhan di dalam pengamalan religiositi di dalam diri belia Muslim itu sendiri. Walaupun Malaysia telah berusaha melalui pendekatan transformasi mekanisma pengurusan awam bagi peningkatan prestasi dan akauntabiliti, namun ketidakcekapan pekerja, rasuah, ponteng kerja dan sebagainya menyebabkan pencapaian tidak menepati sasaran piawaian. Sebenarnya, cabaran terbesar bagi Malaysia adalah sejauh mana *human capital* dapat dibangun dan dipertingkatkan kualitasnya.

Pembangunan fizikal dan teknologi perlu diseimbangkan dengan keunggulan manusiawi, iaitu individu-individu yang mantap amalan religiositinya. Kajian ini berpandukan kepada tiga persoalan kajian: (1) Apakah (sejauh mana) pengamalan religiositi dalam pemantapan akauntabiliti belia Muslim profesional (BMP)? (2) Bagaimanakah belia Muslim profesional (BMP) menghadapi cabaran pengamalan religiositi dalam pemantapan akauntabiliti? dan (3) Bagaimanakah langkah peningkatan pengamalan religiositi dalam pemantapan akauntabiliti belia Muslim profesional (BMP) dilaksanakan? Kajian ini juga bertujuan untuk memberi kefahaman yang lebih baik bagaimana menjadi seorang Muslim mengikut acuan Islam yang sebenar serta memberi penerangan berkenaan tujuan dan implikasi amalan religiositi kepada individu. Menurut agama Islam, keEsaan Allah s.w.t. diekspresikan sebagai “tauhid” yang merupakan dasar utama di dalam pembentukan “aqidah” yang memberi kesan secara langsung pada kehidupan individu Muslim.

Kerangka teoritikal amalan religiositi yang digunakan di dalam kajian ini adalah i) teori tazkiyah an-nafs dan ii) teori murabathah yang disarankan oleh Imam Al Ghazali di dalam

kitab Ihya 'Ulumuddin dengan mengambil kira elemen musyaratah (penepatan syarat-syarat kejayaan), muraqabah (pemerhatian tingkah laku), muhasabah (penilaian diri), mu'aqabah (peneguhan rohani), mujahadah (penentangan hawa nafsu) dan mu'atabah (pembersihan jiwa). Penulisan ini terbentuk hasil daripada penyelidikan kualitatif yang menggunakan beberapa siri temu bual separa berstruktur, analisis dokumen dan kaedah pemerhatian bukan penyertaan di dalam meneliti amalan religiositi yang mempengaruhi pemantapan akauntabiliti belia Muslim profesional.

Hasil kajian menunjukkan bahawa akauntabiliti belia Muslim terhasil daripada pengamalan religiositi melalui i) amalan *ijtima'i* yang terdiri daripada penyertaan dalam program keagamaan secara *istiqamah* dan solat fardu berjemaah dan ii) amalan *infiradi* yang merangkumi solat sunat *dhuha*, zikir dan istighfar, membaca al-Quran, berdakwah, puasa sunat, berdoa dan bersedekah. Kombinasi amalan *ijtima'i* dan amalan *infiradi* kemudiannya membentuk pemantapan hubungan seseorang individu dengan Allah s.w.t (*habluminallah*) serta menjalin hubungan baik sesama masyarakat dan rakan sekerja secara amnya (*habluminannas*).

Kajian ini menyumbang kepada perbincangan berterusan dan mendalam mengenai kepentingan pengamalan religiositi terhadap pemantapan akauntabiliti, melibatkan tahap kefahaman dan pengamalan ilmu agama yang berbeza-beza dalam kalangan belia Muslim profesional (BMP), dan bagaimana golongan ini menghadapi cabaran pengamalan religiositi serta langkah peningkatan pengamalan religiositi semasa di tempat kerja. Pendekatan kaedah temu bual mendalam dan separa berstruktur memberikan gambaran terhadap kepentingan dan cabaran mengenai isu atau amalan religiositi yang perlu diketengahkan.

Kajian ini turut menyumbangkan maklumat yang memberi manfaat kepada golongan belia Muslim profesional (BMP) yang menjawat jawatan di sektor awam agar mengendalikan tugas dengan penuh akauntabiliti. Ini menunjukkan bahawa bukanlah persoalan sama ada seseorang itu berjaya melaksanakan tugas dengan cemerlang atau tidak tetapi bagaimana untuk berakauntabiliti mengikut landasan Allah s.w.t yang akan membawa kejayaan hidup yang sempurna.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirements for the degree of Doctor of Philosophy

**RELIGIOSITY PRACTICES IN THE PROFESSIONAL MUSLIM YOUTH  
ACCOUNTABILITY ENHANCEMENT**

By

**MOHAMAD ZAID BIN MOHD ZIN**

**March 2018**

**Chairman : Profesor Emeritus Hj. Azimi Hamzah, Ed.D.**  
**Faculty : Institute of Social Science Studies**

The purpose of the study is to explore the religious practices amongst professional Muslim youth in strengthening the accountability. Professional Muslim youth as those responsible, constitute as trustee in the national administration system is a delegation to drive the country into a developed nation by the year 2020 using the local model and mold. Professional Muslim youth task requires not only to realize the accountability aspect in the workplace, but it begin with the reinforcement the religious practices within the Muslim youth itself. While Malaysia has been working on a transformational management mechanism for performance improvement and accountability, the incompetence of workers, bribes and truancy has resulted in non-compliance with standards. In fact, the biggest challenge for Malaysia is the extent to which human capital can be built and enhanced. Physical and technological developments need to be balanced with human excellence, which is steadfast in its religious practice.

This study is based on three research questions: (1) What (the extent of) the religious practices in strengthening the professional Muslim youth accountability? (2) How professional Muslim youth encounter with the challenge of the religious practices in strengthening the professional Muslim youth accountability? and (3) How to improve the religiosity practices in enhancing professional Muslim youth accountability? This study provided a better understanding of how to being Muslim according to the Islamic reference and explain the purpose and implications of religious practice to individuals. According to the Islam, Allah s.w.t. existence expressed as "*tauhid*", the main basis in the "*aqidah*" formation which directly affects to the Muslim individual life.

The religious practice conceptual framework referred to this study was i) the *tazkiyah an-nafs* theory and ii) the *murabathah* theory by Imam Al Ghazali in the *Ihya' Ulumuddin* book, with the *musyaratah* (the completion of success), *muraqabah* (behavioral observation), *muhasabah* (self assessment), *mu'aqabah* (spiritual affirmation), *mujahadah* (opposition desires) and *mu'atabah* (purification of the soul) elements. This

writing is the qualitative research result, using a series of semi-structured interviews, document analysis and non-participation observation methods in examining religious practices practiced, that influencing the professional Muslim youth accountability stabilization. In addition, data triangulation involving interviewing data, document analysis, observation and methodology was used.

The outcome of this study indicate that the accountability is derived from the religious practices through i) *ijtima'i* practices which consist of participation in religious programs and fardu prayers and ii) *infradi* practices which encompasses *dhuha's* circumcision, dhikr and istighfar, reciting the Quran, preaching, fasting, praying and giving alms. The *ijtima'i* practices and *infradi* practices combination form the stabilization of an individual's relationship with Allah s.w.t. (*habluminallah*), establishing good relations between society and colleagues generally (*habluminannas*).

This study contributes to the continuing discussion on the importance of applying the religious beliefs to the accountability enhancement, which involves the different level of religiosity practices among the professional Muslim youth, how these people encounter with the religiosity practices challenge and steps to enhance the current religiosity practices elements in the workplace. The in-depth and semi-structured interviewing approach provides an overview the importance and challenges of religious practices that need to be highlighted.

This study too, has provided valuable information that benefits to professional Muslim youth in the public sector to organize the duties with accountability. This suggests that performing duties excellently is not the issue but how to be accountable as the required by Allah s.w.t. that definitely will bring the perfect life.

## PENGHARGAAN

الحمد لله رب العالمين. والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين وعلى آله وأصحابه ومن اهتدى بهديه إلى يوم الدين، أما بعد

Alhamdulillah segala kesyukuran hanya kepada Allah s.w.t yang telah melimpahkan kurniaNya yang tidak terhingga serta inayahNya yang tidak ternilai ke atas hambaNya, sehingga terhasilnya sebuah tesis ilmiah yang merupakan perahan keringat dan hasil adunan sedikit pengetahuan dan secebis pengamatan.

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada Profesor Emeritus Azimi Hamzah, Profesor Dr. Turiman Suandi serta Profesor Madya Dr. Abdul Lateef Abdullah selaku penyelia kepada calon. Terima kasih yang tidak terhingga kerana meluangkan masa, menyumbang pengetahuan dan pengalaman yang amat berharga. Segala tunjuk ajar, nasihat, teguran, idea dan kritikan ke tiga-tiga individu ini terlalu penting dalam usaha menyempurnakan hasil kajian ini. Kepada tenaga-tenaga akademik dan Institut Pembangunan Sains Sosial, Universiti Putra Malaysia. Tidak ketinggalan Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara, jasa kalian tetap dikenang.

Sekalung doa dan ucapan kasih buat bonda dan al-Marhum ayahanda tercinta yang telah mencurahkan kasih sayang yang tidak pernah pudar. Kalian mengajarku erti kehidupan dan pengorbanan. Dorongan dan doa yang tidak pernah putus adalah pembangkit semangatku dalam perjuangan ini. Semoga Allah s.w.t. menggandakan limpahan rahmatNya kepada kedua-duanya. Buat isteri tercinta Hasni binti Muhamad Razali, ayahanda dan bonda mertua, anakanda Mujahid, Zaim, Zindirah, Umairah dan Maisarah, di hujung kesetiaan dan kesabaran itu ada kemanisan dan kejayaan.

Terima kasih di atas sokongan adik beradik dan semua ahli keluarga yang turut memberikan dorongan. Ucapan terima kasih juga ditujukan khusus kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam penulisan kajian ini.

Harapan calon agar hasil tesis ini dapat memberikan manfaat kepada keluarga, pencinta ilmu dan semua individu.

Sekian, wassalam.



Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 21 Mac 2018 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Mohamad Zaid bin Mohd Zin bagi menilai tesis beliau yang bertajuk “Pengamalan Religiositi dalam Pemantapan Akauntabiliti Belia Muslim Profesional” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Doktor Falsafah.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

**Siti Zobidah binti Omar, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Ismi Arif bin Ismail, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalam)

**Ahmad Tarmizi bin Talib, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalam)

**Azizi Yahaya, PhD**

Profesor Madya  
Universiti Malaysia Sabah  
Malaysia  
(Pemeriksa Luar)



---

**NOR AINI AB. SHUKOR, PhD**

Profesor dan Timbalan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 26 April 2018

Tesis ini telah diserahkan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Azimi Hamzah, Ed.D.**

Profesor Emeritus  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Turiman Suandi, PhD**

Profesor  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

**Abdul Lateef Abdullah, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

---

**ROBIAH BINTIYUNUS, PhD**

Profesor dan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

## Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012 ;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: \_\_\_\_\_ Tarikh: \_\_\_\_\_

Nama dan No. Matrik: Mohamad Zaid Mohd Zin GS34436

**Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:**

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: \_\_\_\_\_  
Nama Pengerusi  
Jawatankuasa  
Penyeliaan: \_\_\_\_\_

Tandatangan: \_\_\_\_\_  
Nama Ahli  
Jawatankuasa  
Penyeliaan: \_\_\_\_\_

Tandatangan: \_\_\_\_\_  
Nama Ahli  
Jawatankuasa  
Penyeliaan: \_\_\_\_\_

## ISI KANDUNGAN

<b>ABSTRAK</b>	<b>Halaman</b>
<b>ABSTRACT</b>	i
<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>PENGESAHAN</b>	v
<b>PERAKUAN</b>	vi
<b>SENARAI JADUAL</b>	viii
<b>SENARAI I</b>	xiii
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xiv
	xv

### BAB

<b>1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	1
1.2.1	Konsep Amalan Religiositi	1
1.2.2	Keperluan Pendekatan Pengamalan Religiositi	3
1.3	Pernyataan Masalah	4
1.4	Objektif Kajian	6
1.5	Persoalan Kajian	6
1.6	Kepentingan Kajian	7
1.7	Skop Kajian	8
1.8	Limitasi Kajian	8
1.9	Definisi Kajian	9
1.10	Ringkasan Bab	10
<b>2</b>	<b>SOROTAN LITERATUR</b>	<b>11</b>
2.1	Pengenalan	11
2.2	Konsep Pengamalan Religiositi	11
2.3	Perspektif Akhlak Dalam Islam	13
2.4	Kepentingan Pengamalan Religiositi	14
2.5	Kepentingan Religiositi Dalam Pemantapan	17
2.6	Akauntabiliti	20
2.7	Belia Negara, Sektor Pekerjaan dan Dasar Negara	23
2.8	Belia Negara Sebagai Belia Muslim Profesional	29
2.9	Kriteria Profesionalisme Islam	31
2.10	Nabi Muhammad s.a.w Sebagai <i>Role Model</i>	31
2.11	Kerangka Teoritikal	42
2.12	Kerangka Konseptual Ringkasan Bab	43

<b>3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	44
3.1	Pengenalan	44
3.2	Rekabentuk Kajian	44
3.3	Fenomenologi	46
3.4	Perlaksanaan Kajian	46
	3.4.1 Kajian Keperluan ( <i>Need Analysis</i> )	47
	3.4.2 Kajian Rintis	47
	3.4.3 Kajian Sebenar	48
3.5	Kaedah Pengumpulan Data	49
	3.5.1 Protokol Temu bual	50
	3.5.2 Protokol Pemerhatian	51
3.6	Pemilihan Peserta Kajian	51
3.7	Temu bual	52
3.8	Pemerhatian	54
3.9	Analisis Dokumen	54
3.10	Semakan Penyelia Kajian dan Rakan Penyelidik	55
3.11	Triangulasi Data	55
3.12	Nota Lapangan	56
3.13	Penganalisan Dapatan Kajian	56
3.14	Kesahan dan Kebolehpercayaan	61
3.15	Menangani Masalah Etika	63
3.16	Ringkasan Bab	64
<b>4</b>	<b>DAPATAN KAJIAN</b>	66
4.1	Pengenalan	66
4.2	Latar Belakang Peserta Kajian	66
4.3	Analisis Dokumen	73
4.4	Dapatan Kajian	75
	4.4.1 Tuntutan Akauntabiliti Mengikut Perspektif Belia Muslim Profesional	76
	4.4.2 Pengamalan Religiositi Dalam Pemantapan Akauntabiliti	78
	4.4.3 Hubungan Amalan Religiositi Dalam Pemantapan Akauntabiliti	84
	4.4.4 Cabaran Pengamalan Religiositi Dalam Pemantapan Akauntabiliti	87
	4.4.5 Langkah Mengatasi Cabaran Pengamalan Religiositi Dalam Pemantapan Akauntabiliti	94
	4.4.6 Kesan Positif Cabaran Pengamalan Religiositi Dalam Pemantapan Akauntabiliti	98
	4.4.7 Kepentingan Pengamalan Religiositi Dalam Pemantapan Akauntabiliti	100
	4.4.8 Kaedah Praktikal Meningkatkan Pengamalan Religiositi Dalam Pemantapan Akauntabiliti	101
	4.4.9 Keazaman Dalam Usaha Meningkatkan Pengamalan Religiositi	104

<b>5</b>	<b>KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN</b>	112
5.1	Pengenalan	112
5.2	Perbincangan Dapatan	112
5.2.1	Apakah (Sejauh mana) Pengamalan Religiositi Dalam Pemantapan Akauntabiliti BMP?	112
5.2.2	Bagaimana BMP Menghadapi Cabaran Pengamalan Religiositi Dalam Pemantapan Akauntabiliti	116
5.2.3	Langkah Peningkatan Pengamalan Religiositi	121
5.3	Model Akauntabiliti Belia Muslim	125
5.4	Implikasi Kajian	126
5.4.1	Implikasi Dari Perspektif BMP	126
5.4.2	Implikasi Dari Perspektif Jabatan Sumber Manusia	127
5.4.3	Implikasi Dari Perspektif Kerangka Teoritikal	128
5.5	Kesimpulan	129
5.6	Cadangan	129
	<b>RUJUKAN</b>	131
	<b>LAMPIRAN</b>	141
	<b>BIODATA PELAJAR</b>	159
	<b>SENARAI PENERBITAN</b>	160

## SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
1	Ciri-Ciri Keperibadian Islam Mengikut Perspektif Hasan al-Banna	23
2	Amalan Religiositi Dari Perspektif <i>Tazkiyah an-Nafs</i>	35
3	Tarikh Temu bual dan Pemerhatian	54
4	Persoalan dan Pengurusan Etika	63
5	Profil Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD)	67
6	Jenis-Jenis Analisis Dokumen	73
7	Dapatan Analisis Dimensi dan Sub-Dimensi Pengamalan Religiositi	75
8	Dapatan Pengamalan Religiositi Dalam Pemantapan Akauntabiliti BMP	106



## SENARAI RAJAH

<b>Rajah</b>		<b>Halaman</b>
1	Kerangka Teoritikal (Gabungan Teori <i>Tazkiyah an-Nafs</i> dan <i>Murabathah</i> )	32
2	Kerangka Konseptual (Pengkabhsuaian Daripada Teori <i>Tazkiyah an-Nafs</i> dan <i>Murabathah</i> )	42
3	Carta Aliran Tematik	58
4	Model Akauntabiliti Belia Muslim	126

## SENARAI SINGKATAN

s.w.t	Subhanahu wa Ta'ala
s.a.w	Shallallahu`alaihi Wa Sallam
r.a	Radhiyallahu`anhu
Ippbm	Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia
SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
YAB	Yang Amat Berhormat
BPA	Biro Pengaduan Awam
OIC	Organization of Islamic Cooperation
RMK-11	Rancangan Malaysia Ke-11
S.O.P	Standard Operating Procedure
PTD	Pegawai Tadbir dan Diplomatik
A.D.O	Penolong Pegawai Daerah
D.O	Pegawai Daerah
BMP	Belia Muslim Profesional
KDN	Kementerian Dalam Negeri



© COPYRIGHT UPM

# BAB 1

## PENDAHULUAN

### 1.1 Pengenalan

Belia Muslim pada hari ini berhadapan dengan era globalisasi dan kemajuan teknologi yang semakin pesat, serta pelbagai isu dan cabaran yang menuntut kekuatan diri dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Untuk itu, belia Muslim memerlukan al-Quran dan al-Hadis sebagai panduan yang tepat sebagai rujukan utama ke arah pembentukan sifat dan kekuatan dalaman agar dapat bekerja mengikut akhlak al-Quran, memiliki jati diri, bersifat *musleh* (memperbaiki diri dan pada masa yang sama, mengajak individu lain ke arah kebaikan) dan berakauntabiliti tinggi. Kejayaan belia Muslim yang bertunjangan kekuatan Islam dalam lipatan sirah (perjalanan hidup) Nabi Muhammad s.a.w juga dapat dijadikan sebagai ikhtibar kerana belia pada zaman itu telah membuktikan bahawa tamadun Islam dibina dengan sokongan kuat oleh golongan belia seperti Abu Bakar Al-Siddiq yang pada ketika itu berumur 37 tahun, Umar Al-Khattab berumur 27 tahun dan Uthman Bin Affan berumur 34 tahun. Manakala tugas belia yang merupakan tunggak sesebuah negara pula ditonjolkan oleh para Sahabat yang memegang jawatan penting seperti Jaafar Bin Abi Talib yang telah dilantik menjadi ketua rombongan hijrah dari Mekah ke Habsyah (Madinah) ketika berumur 20 tahun. Sementara Usamah bin Zaid pula dilantik sebagai panglima tentera Islam dan dihantar ke Palestin ketika berumur 18 tahun (Mohd Ismail, 2005; Rohana et al., 2013). Ini menunjukkan peranan belia Muslim bukan sahaja berkisarkan diri sendiri dan keluarga semata-mata, malah maju atau mundurnya sesebuah tamadun bangsa pada masa hadapan diukur daripada tahap kualiti belia pada ketika itu.

### 1.2 Latar Belakang Kajian

#### 1.2.1 Konsep Amalan Religiositi

Terdapat banyak terminologi berkaitan dengan religiositi. Diantaranya termasuklah amal ibadat dan ibadah. Religiositi didefinisikan sebagai keislaman yang secara jelas mentauhidkan Allah, iaitu tunduk dan patuh kepada segala perintah dan larangan Allah s.w.t melalui ajaran yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w. Dalam konteks masyarakat Islam di Malaysia, amalan religiositi didefinisikan sebagai pelaksanaan dan pengamalan agama oleh individu Muslim yang merangkumi akidah, syariah dan akhlak. Setiap amalan yang dipraktikkan turut melibatkan individu lain, keluarga, masyarakat dan negara (Zulkiple & Nor Salimah, 2006).

Al-Ghazali (1988) menggambarkan religiositi sebagai pengamalan pegangan akidah secara menyeluruh. Individu Muslim perlu menjadikan ibadat sebagai amalan dan pegangan kehidupan, meletakkan syariah sebagai peraturan, menjadikan akhlak mulia

sebagai pegangan hidup serta menjauhi perbuatan seperti syirik yang ditegah oleh Allah s.w.t. Oleh itu, kepentingan religiositi dalam seluruh kehidupan manusia tidak dapat disangkal lagi. Sistem Islam yang syumul itu sendiri telah menjanjikan kesesuaiannya dengan fitrah kemanusiaan dalam semua aspek kehidupan. Individu Muslim didorong ke arah hala tuju yang tepat serta mencapai matlamat sebenar kewujudan manusia di dunia, dengan mengambilkira elemen jasmani, rohani, intelektual dan emosi individu (Sayyid Qutb, 1983; Zulkiple & Nor Salimah, 2006). Islam merupakan perlembagaan sosial yang mengajar umat Islam berkenaan ibadat dan penglibatan diri ketika berurusan dengan orang lain dan ia berkaitan dengan elemen akauntabiliti, seiring dengan kepercayaan dan tindakan pelaksanaan tugas semasa bekerja (Moayed, 2009). Dalam penulisan ini, dua teori digunakan untuk meneroka pengamalan religiositi belia Muslim profesional.

### **1. Teori *Tazkiyah An-Nafs* Mengikut Perspektif Imam Al-Ghazali**

*Tazkiyah an-nafs* merupakan 'pembersihan jiwa' dan pembentukan akhlak melalui cara-cara yang diperintahkan oleh syarak. Hasil *tazkiyah an-nafs* memberikan kesan positif kepada perilaku individu, sama ada dalam melaksanakan hubungannya dengan Allah s.w.t atau hubungan sesama makhluk. Perilaku yang dimaksudkan adalah tutur kata atau gerak geri anggota badan yang selaras dengan kehendak Allah s.w.t. Di antara saluran untuk mencapai pembersihan jiwa (merangkumi akhlak) adalah melalui ibadat seperti solat, puasa, zikir, bertafakur, membaca al-Quran, *qiyam al-lail*, bermuhasabah, mengingati mati, di samping mengukuhkan hati dengan tauhid, ikhlas, sabar, syukur, takut dan harap kepadaNya, lemah lembut, jujur serta menjauhi dan merawat segala penyakit hati seperti *riya'*, *ujub* dan lain-lain sifat keji kerana boleh menjejaskan ibadah seseorang (al-Ghazali, 2004; Zulkiple & Nor Salimah, 2006).

### **2. Teori *Murabathah* Mengikut Perspektif Imam Al Ghazali**

Teori *murabathah* merupakan saranan Imam Al-Ghazali di dalam kitab *Ihya'Ulumuddin* yang merangkumi prinsip *musyaratah*, *muraqabah*, *muhasabah*, *mu'aqabah*, *mujahadah* dan *mu'atabah*. Seorang belia Muslim perlu mengimplementasikan secara berterusan konsep *murabathah* bukan sahaja pada hati tetapi mencakupi amalan seharian.

Prinsip *musyaratah* (menepati syarat-syarat kejayaan) dan *muhasabah* (menilai diri sendiri) cenderung menumpukan aspek dalaman seperti jujur dan amanah yang mampu melahirkan akauntabiliti yang tinggi. Manakala, prinsip *muraqabah* (mengawal diri secara berterusan) dan *mu'aqabah* (mengkalkakan tindakan yang benar) secara berterusan pula mendorong kepada aspek tanggungjawab dan kesungguhan dalam menjalankan kerja. Akhirnya, nilai profesionalisme yang didukung oleh prinsip *mujahadah* (berusaha bersungguh-sungguh) dan *mu'atabah* (menghakis sifat-sifat buruk) menuntut belia Muslim profesional melaksanakan kerja dengan menggunakan kaedah yang terbaik.

### 1.2.2 Keperluan Pendekatan Pengamalan Religiositi

Setiap pekerjaan memerlukan individu yang amanah, jujur dan berakauntabiliti. Dengan lain perkataan, setiap kerjaya memerlukan satu proses pembentukan sahsiah sejak dari kecil, melalui pendidikan formal dan informal supaya belia memiliki sifat-sifat yang memenuhi ciri-ciri pekerja yang berkualiti. Kebanyakan belia Muslim profesional memulau tugas mereka seawal umur 24 tahun iaitu selepas memperolehi segulung ijazah di peringkat universiti. Ini menunjukkan peserta-peserta kajian berada di dalam lingkungan umur belia seperti yang telah didefinisikan oleh kerajaan. Belia merupakan golongan yang bertenaga, lebih produktif, malah mampu menyalurkan sumbangan tenaga kerja ekonomi yang lebih baik sehingga golongan ini seringkali dikatakan sebagai harta, aset atau hak milik yang berguna kepada negara (Aishah, 2009).

Selain itu, belia juga merupakan tunggak dan nadi kepada pentadbiran sesebuah negara. Individu yang bekerja di bidang profesional mempunyai pelbagai latar belakang pendidikan yang berbeza. Terdapat golongan yang berlatarbelakang pendidikan agama dan ada yang tidak berlatarbelakang pendidikan agama. Penyelidik bukanlah menidakkan atau bersifat *double standard* dengan golongan ini, malah berpendapat kerana inilah pendekatan pengamalan religiositi perlu dititikberatkan. Pendedahan dan penerangan berkenaan pengaruh pengamalan religiositi di dalam akauntabiliti semasa bekerja perlu difahami oleh setiap belia Muslim, merangkumi segenap lapisan latar belakang pendidikan. Pengetahuan berkenaan hubungan kait antara amalan religiositi dengan akauntabiliti amat penting bagi mendorong golongan ini supaya melihat prospek amalan religiositi ini dari sudut yang berbeza, iaitu ianya bukan hanya berfungsi sebagai ibadat semata-mata tetapi mencakupi keseluruhan aspek dalam kehidupan.

Amalan religiositi merupakan satu pendekatan yang berhubungkait dengan akauntabiliti. Secara umumnya, teori *tazkiyah an-nafs* dan *murabathah* menghuraikan hubungan antara pengamalan religiositi dengan pemantapan akauntabiliti individu. Akauntabiliti kepada Allah s.w.t menyebabkan individu sebagai hambaNya berusaha untuk meningkatkan iman dan ibadah melalui amalan religiositi (*tazkiyah an-nafs*) yang merangkumi solat, membaca al-Quran, berzikir, berpuasa dan bersedekah. Amalan religiositi yang diaplikasikan dalam kehidupan seharian ini pula perlu disertai dengan penilaian sendiri melalui teori *murabathah* yang diperkenalkan oleh Imam Al-Ghazali. Ke dua-dua konsep ini mempunyai kitaran dan saling mempengaruhi di antara satu sama lain. Anggapan bahawa pengamalan religiositi yang merangkumi ibadat solat, puasa, zakat dan haji hanya merupakan amalan keagamaan semata-mata telah menyempitkan konsep agama Islam itu sendiri. Isu di sini bukan semata-mata bentuk luar ibadat, tetapi perubahan sifat dalaman individu dalam bentuk akhlak yang mendorong kepada peningkatan diri, hasil daripada pengamalan religiositi.

Sebenarnya, religiositi berperanan penting dalam mencorak kehidupan belia pada masa kini dan hadapan. Kelemahan di dalam pengamalan religiositi dikhuatiri membawa akibat yang buruk, bukan sahaja pada diri belia itu sendiri, malah dalam kehidupan berkeluarga, bermasyarakat dan bernegara. Di Malaysia, belia mewakili 42.5 peratus bilangan penduduk Malaysia (Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, 2013; Dzuhailmi *et al.*, 2014) dan dianggarkan mencapai 44 peratus daripada bilangan

penduduk Malaysia pada tahun 2020. Jumlah yang besar ini sememangnya sangat berpotensi mencorakkan senario dalam negara. Oleh itu, religiositi merupakan prinsip terbaik yang sepatutnya dipegang oleh belia dalam proses membuat keputusan yang betul dan adil.

### 1.3 Penyataan Masalah

Pada tahun 2016, negara telah dikejutkan dengan beberapa laporan siasatan oleh SPRM terhadap penjawat awam yang dikatakan menyalahgunakan kuasa dan terlibat dengan penyelewengan. Insiden-insiden ini telah mencalarakan imej pekerja sektor perkhidmatan awam. Masyarakat umum berpandangan bahawa sektor perkhidmatan awam dibelenggu dengan gejala pegawai yang tidak berakauntabiliti dan berintegriti (Ali Hamsa, 2017). Walaupun kerajaan yang diwakili oleh Jabatan Audit Negara dan SPRM telah menjelaskan kepada orang awam dan mengambil langkah yang tegas, lebih-lebih lagi terhadap kes yang melibatkan penilaian projek yang bernilai lebih daripada RM500 juta (Ali Hamsa, 2017), namun masih tidak dapat menutup kesalahan yang telah dilakukan oleh pegawai dan anggota pelaksana. Sebenarnya, cabaran terbesar bagi Malaysia adalah sejauh mana *human capital* dapat dibangun dan dipertingkatkan kualitasnya. Pembangunan fizikal dan teknologi perlu diseimbangkan dengan keunggulan manusiawi, iaitu individu-individu yang mantap amalan religiositinya (Ucapan YAB Perdana Menteri, 2015).

Selain itu, dunia hari ini sering bergolak dengan isu-isu yang wujud dalam persekitaran yang kompleks. Setiap individu mempunyai kepentingan tersendiri dan bercanggah di antara satu sama lain. Jadi, membuat keputusan berakauntabiliti merupakan sebahagian daripada kehidupan dan situasi pekerjaan, berdasarkan norma-norma akauntabiliti yang sentiasa mengalami perubahan. Manakala tingkah laku manusia pula merupakan satu fenomena yang kompleks dan semua individu tidak berkelakuan dengan cara yang sama apabila berhadapan dengan situasi yang memerlukan penglibatan akauntabiliti diri. Malah adakalanya, individu terbabit tidak menyedari akauntabilitinya semakin berkurangan tetapi percaya bahawa diri mereka masih mengekalkan akauntabiliti di tempat kerja. Ini kerana individu tersebut beranggapan impak daripada keadaan tersebut adalah kecil ataupun kurang penting (Stanfield, 2011).

Walaupun Malaysia telah berusaha melalui pendekatan transformasi mekanisme pengurusan awam bagi peningkatan prestasi dan akauntabiliti, namun ketidakcekapan pekerja, rasuah, ponteng kerja dan sebagainya menyebabkan pencapaian tidak menepati sasaran piawaian (Mohammad Ghazali & Nor 'Azzah Kamri, 2015). Selain daripada itu, peningkatan aduan yang diterima oleh Biro Pengaduan Awam (BPA) juga menjadi bukti bahawa wujudnya permasalahan akauntabiliti pekerja sektor awam di Malaysia. Biro Pengaduan Awam (BPA) menerima 6000 aduan formal secara purata setiap tahun (Danilah & Siti Nabiha, 2011). Laporan tahunan menunjukkan bahawa aduan yang diterima meningkat daripada 6388 aduan pada tahun 2015 kepada 6494 aduan pada tahun 2016 (Biro Pengaduan Malaysia).

Forum Ekonomi Dunia (WEF) pula mengumumkan dari segi skor, prestasi negara turun daripada 5.23 pada tahun 2015 kepada 5.16 pada tahun 2016 (Malaysiakini.com). Ini

dapat dilihat dari analisis kecekapan sektor awam oleh Laporan Daya Saing Global (GCR) yang menunjukkan bahawa Malaysia berada di kedudukan ke-24 pada tahun 2009-2010 berbanding dikedudukan 21 pada tahun sebelumnya. Kedudukan Malaysia merosot sekali lagi daripada kedudukan 24 ke tangga yang ke 26 di dalam Laporan Daya Saing Global 2010-2011 (Danilah & Siti Nabihah, 2011; Siddiquee, 2010). Terbaru, laporan Daya Saing Global (GCR) 2016-2017 menunjukkan Malaysia berada di kedudukan ke-25 pada tahun 2016 daripada 138 ekonomi, merosot dari tangga ke-18 tahun sebelumnya. Senario seperti ini memerlukan tindakan segera sebelum keadaan menjadi bertambah sukar untuk diperbetulkan. Ini mengukuhkan lagi bukti yang menunjukkan bahawa sektor awam di Malaysia mengalami penurunan tahap kecekapan organisasi yang dipengaruhi oleh ketirisan akauntabiliti para pekerja.

Permasalahan akauntabiliti di kalangan penjawat awam di Malaysia berkenaan gejala rasuah juga tidak terkecuali. Indeks Persepsi Rasuah bertindak untuk mengukur "tahap rasuah di kalangan penjawat awam" yang meliputi 167 buah negara. Hasil skor mendapati Malaysia berada di kedudukan ke 49 pada tahun 2012, meningkat kepada kedudukan ke 50 pada tahun 2013, berada dikedudukan ke 52 pada 2014, dikedudukan ke 50 pada tahun 2015 dan berada dikedudukan ke 49 pada tahun 2016 ([www.transparency.org](http://www.transparency.org)). Ini menunjukkan rasuah dalam sektor awam dan swasta telah menjadi satu masalah utama bagi kerajaan di seluruh dunia, termasuklah negara Malaysia.

Untuk mengukur keadaan ini di Malaysia, pada tahun 2002 kerajaan telah memberi tanggungjawab kepada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) untuk menjalankan kajian mengenai Persepsi Awam Rasuah di Malaysia. Hasil keputusan kajian selidik tersebut telah mendedahkan bahawa 30.5 peratus daripada pelajar (belia) yang ditemuramah mengakui akan menerima rasuah sekiranya mereka mempunyai kuasa dan peluang. 15 peratus daripada responden menyatakan akan memberi rasuah untuk mendapatkan apa yang mereka mahu. Manakala 15.7 peratus individu sanggup membayar rasuah untuk melepaskan diri daripada kesalahan yang telah mereka lakukan (Laporan Institut Integriti Malaysia, t.th). Senario ini amat membimbangkan kerana golongan pelajar (belia) inilah yang bakal mencorak dasar pentadbiran negara satu hari nanti. Kenyataan ini mengukuhkan dapatan Mervyn (2006) yang menyatakan bahawa beberapa negara OIC seperti Kuwait, Malaysia, Qatar menduduki kuartil tertinggi dalam indeks rasuah (menunjukkan kawalan rasuah yang kuat). Walau bagaimanapun, Mervyn (2006) turut membandingkan pendekatan Islam dan Barat berkenaan amalan rasuah dengan menjalankan analisis sistematik. Beliau mendapati syariah Islam tegas di dalam menggariskan panduan untuk gejala rasuah ini sebagai ancaman kepada sosial, ekonomi dan ekologi.

Manakala kebanyakan penyelidik Barat menganggap masalah akauntabiliti lebih kepada isu moral dan secara asasnya berpunca daripada urus tadbir organisasi yang tidak efisien. Selain itu, proses '*deislamization*' dilakukan oleh Barat dengan menerapkan aliran falsafah dan pemikiran yang bertentangan dengan akidah dan nilai-nilai Islam, yang diperkukuhkan lagi dengan dasar dan polisi pentadbiran negara, yang akhirnya mewujudkan kekeliruan di kalangan umat Islam. Sistem Barat yang menekankan ciri-ciri kebangsaan dan perkauman juga telah membataskan peranan al-Quran di dalam membentuk individu mengikut acuan Islam (Jamiah, 2005). Namun begitu, belia Muslim



profesional sebenarnya masih berpeluang mendapat manfaat daripada pendekatan Islam itu sendiri, di mana konsep pembaharuan iman melalui pemahaman dan praktikaliti amalan religiositi dijadikan sebagai usaha memantapkan akauntabiliti setiap individu, diperjuangkan dengan cara Islam dan bukannya bergantung kepada penguatkuasaan undang-undang ciptaan manusia itu sendiri.

Persoalannya, apakah dimensi atau model yang sesuai digunakan agar pemantapan akauntabiliti diri setiap belia Muslim mampu diperkasakan dan langkah terbaik yang perlu diambil bagi memastikan matlamat ini tercapai. Justeru, kajian ini bertujuan untuk meneroka kekuatan pengamalan religiositi serta mengumpulkan praktikaliti amalan religiositi belia Muslim profesional yang dikategori sebagai golongan belia akhir, berumur dalam lingkungan 30 hingga 35 tahun. Belia pada peringkat ini lazimnya berpengalaman sekurang-kurangnya lima tahun bekerja, berusaha untuk meningkatkan kualiti hidup dan mengukuhkan institusi kekeluargaan (Ismail, 2005; Rohana Tan & Norhasni, 2016; Mohd Huefiros Efizi, Mohd Nasir & Muneer Ali, 2017).

#### **1.4 Objektif Kajian**

Secara umumnya kajian ini bertujuan untuk menerokai pengamalan religiositi dalam pemantapan akauntabiliti belia Muslim profesional (BMP) di negara ini.

##### **Objektif utama kajian:**

Meneroka amalan religiositi yang menjadi penyumbang di dalam pemantapan akauntabiliti belia Muslim profesional.

##### **Objektif khusus kajian :**

1. Meneroka pengamalan religiositi dalam pemantapan akauntabiliti belia Muslim profesional.
2. Meneroka cabaran semasa pelaksanaan pengamalan religiositi dalam pemantapan akauntabiliti belia Muslim profesional.
3. Meneroka langkah peningkatan pengamalan religiositi dalam pemantapan akauntabiliti belia Muslim profesional.

#### **1.5 Persoalan kajian**

Persoalan kajian tertumpu kepada mengenalpasti dan mengumpul amalan-amalan religiositi belia Muslim profesional. Sehubungan dengan itu, setiap keputusan dan tindakan yang diambil adalah berdasarkan jati diri, hasil daripada implementasi pengamalan religiositi itu sendiri. Persoalan penyelidikan bersifat penerokaan di dalam pengamalan religiositi dalam mempengaruhi pemantapan akauntabiliti semasa bekerja.

**Persoalan 1:** Apakah (sejauh mana) pengamalan religiositi dalam pemantapan akauntabiliti belia Muslim profesional (BMP)?

**Persoalan 2:** Bagaimanakah BMP menghadapi cabaran pengamalan religiositi dalam pemantapan akauntabiliti?

**Persoalan 3:** Bagaimanakah langkah peningkatan pengamalan religiositi dalam pemantapan akauntabiliti BMP diambil?

## 1.6 Kepentingan Kajian

Kesahan dan kebolehpercayaan merupakan faktor utama bagi membuktikan keupayaan dan ketepatan model pemantapan akauntabiliti belia Muslim profesional yang dipengaruhi oleh pengamalan religiositi. Di dalam konteks masyarakat Malaysia yang berbilang kaum dan agama, kajian terhadap amalan religiositi menjadi aspirasi kepada belia Muslim profesional yang lain. Belia Muslim profesional diperlukan bukan sahaja untuk menjadi seorang pekerja yang berakauntabiliti tinggi, malah menjadi contoh keimanan dan ketakwaan. Di peringkat organisasi, penerokaan ini dapat digunakan bagi mengklasifikasi profil belia Muslim profesional yang mempunyai latar belakang pendidikan yang berbeza. Profil ini amat penting, terutamanya kepada penggubal dasar untuk merancang, menggubal, menambahbaik model akauntabiliti yang sedia ada serta melaksanakan pelan strategik dengan lebih berkesan.

Selain itu, ia bertujuan membantu ahli akademik di dalam usaha memahami isu dan memilih pendekatan yang lebih berkesan sebagai langkah memantapkan akauntabiliti belia Muslim profesional. Harapan penyelidikan melalui kajian ini, skop, dimensi dan fungsi amalan religiositi lebih difahami dan diimplementasi dalam seluruh kehidupan belia Muslim. Teori dan model amalan religiositi yang lebih komprehensif mampu dibina daripada pengumpulan data yang diperolehi melalui *in-depth interview* terhadap peserta kajian yang mempunyai pelbagai latar belakang keluarga dan pendidikan yang berbeza, tetapi kaya dengan pengalaman *heuristik* sebagai seorang penjawat awam profesional walaupun masih berada di tahap umur belia.

Islam adalah dimensi penting dalam kehidupan setiap Muslim dan masyarakat Islam. Agama Islam yang diutuskan melalui Nabi Muhammad s.a.w merupakan “teologi kemajuan” yang proaktif dan menjamin keamanan sosial Malaysia yang berbilang agama (Schottman, 2011; Khalidah, 2015). Ia bersesuaian dengan keadaan yang berubah-ubah dan terbukti mampu membina ketamadunan yang tinggi. Sebagai seorang Muslim yang profesional, warga belia perlu kekal kompetitif dengan cara yang dapat mencerminkan diri sebagai seorang yang menganut agama Islam. Kepentingan kajian ini tertumpu kepada kekuatan intrinsik belia Muslim profesional, iaitu apa yang dipraktik dan bagaimana melakukannya dengan cara yang berkesan. Jadi, penemuan kajian ini akan digunakan sebagai tanda aras yang dapat menunjukkan jurang jika ada, di antara “perkara sebenar” yang dilakukan dan “apa yang seharusnya” dilakukan oleh seorang Muslim (Khalidah, 2015).

Sebenarnya, model pengamalan religiositi yang akan dibincangkan di dalam kajian ini sememangnya wujud lebih dari 1400 tahun yang lalu, ketika Nabi Muhammad s.a.w diutuskan sebagai Nabi terakhir. Malangnya, umat Islam tidak menggunakan kelebihan yang sedia ada malah menggunakan teori-teori Barat yang terbukti mempunyai banyak kelemahan. Jadi, kajian ini juga bertujuan untuk, sedikit sebanyak mengembalikan semula kefahaman belia Muslim profesional terhadap pengamalan religiositi sekaligus menampung keperluan model sedia ada, yang sebelum ini terbatas fungsinya di dalam skop pementapan akauntabiliti pekerja.

## 1.7 Skop Kajian

Skop kajian adalah meneroka pengamalan religiositi yang mempengaruhi pementapan akauntabiliti belia Muslim profesional di tempat kerja. Peserta kajian terdiri daripada enam orang belia Muslim yang mempunyai pelbagai latar belakang pendidikan tetapi bekerja dalam sektor awam. Sementara itu, pembinaan soalan-soalan temu bual berasaskan kepada teori *tazkiyah an-nafs* dan teori *murabathah* mengikut perspektif Imam Al-Ghazali.

Pengumpulan data melalui dokumentasi, rekod arkib, temu bual dan pemerhatian merupakan triangulasi data yang dikumpul dan menjadi satu strategi penting untuk mencapai kebolehpercayaan dan kesahihan kajian (Creswell, 2005; Marshall & Rossman, 2006). Reka bentuk pengumpulan data ini membantu penerokaan dan mengenalpasti pementapan akauntabiliti dan kaitannya dengan pengamalan religiositi di kalangan belia Muslim profesional. Pendekatan kaedah fenomenologi lebih sesuai diadaptasi kerana penumpuan pada konteks pengalaman pengamalan religiositi belia Muslim profesional dalam kehidupan seharian.

## 1.8 Limitasi Kajian

Kajian adalah berbentuk naratif di mana penyelidik meneroka pengalaman peserta-peserta kajian. Dapatan terdiri daripada pengalaman individu berdasarkan pengetahuan, kepercayaan, sikap, fikiran, tindakan dan tingkah laku mereka sendiri dalam menghayati amalan-amalan religiositi.

Namun, penyelidik tidak menyatakan bahawa dapatan daripada kajian ini mencerminkan prinsip, nilai dan amalan semua belia Muslim profesional. Selain itu juga, kajian ini tidak bertujuan untuk mengenalpasti salah laku atau mencari kelemahan yang berkaitan dengan akauntabiliti di tempat kerja. Sebaliknya, bertujuan untuk mengumpul dapatan berkenaan kelebihan dan praktikaliti belia Muslim profesional dalam menghayati amalan religiositi. Ini supaya segala kebaikan dan kelebihan sifat-sifat dalam diri setiap individu dapat dikumpulkan bagi membentuk model pengamalan religiositi yang bukan sahaja mampu menyelamatkan manusia di akhirat, malah membawa kejayaan ketika masih di dunia lagi.

## **1.9 Definisi Istilah**

### **Belia**

Golongan muda yang berumur antara 15 hingga 40 tahun (Dasar Pembangunan Belia Negara 1997).

### **Profesional**

Profesional mencakupi ilmu pengetahuan, kemahiran, sikap, aspirasi, dan tingkah laku yang dirancang, mempunyai sistem sokongan yang direka, dilaksanakan untuk membangunkan pencapaian individu serta merupakan satu terma pekerjaan yang menggambarkan domain kepakaran. Istilah profesional merujuk kepada sistem pekerjaan yang profesional dalam masyarakat. Jawatan kerja dan tanggungjawab, status dan prestij, profesional autonomi dan ganjaran kewangan merupakan faktor-faktor utama dalam membina sebuah sistem pembangunan profesional (Libby, Piper & Sandbothe, 2005).

### **Muslim Profesional**

Seseorang individu Muslim yang memegang jawatan bertaraf profesional, berakuntabiliti, berpendidikan tinggi, berkemahiran, memberi perkhidmatan penting dengan mempunyai matlamat yang jelas dan menggunakan kebolehan intelek semasa menjalankan tugas-tugas profesional. Selain itu, ia bermaksud seseorang itu telah mendapat latihan yang khusus dalam bidang kemahiran iktisas dalam tempoh masa tertentu.

### **Belia Muslim Profesional**

Belia Muslim profesional adalah individu yang beragama Islam, berusia di antara 30 hingga 35 tahun, mengamalkan ajaran Islam secara komprehensif, merangkumi cara berfikir, bercakap, bertingklaku, menetapkan prinsip, membuat keputusan dan mengambil tindakan dalam segenap aspek kehidupan, berdasarkan pengetahuan dan kefahaman religiositi. Di samping itu, turut mempunyai pendidikan tinggi, berkemahiran tinggi dalam sesuatu bidang, mempunyai pekerjaan yang tetap, menghasilkan pendapatan yang diterima serta mempunyai komitmen dan akauntabiliti yang tinggi melalui pembentukan tingklaku yang positif sehingga membawa kepada pencapaian matlamat organisasi.

### **Amalan Religiositi**

Amalan religiositi didefinisikan sebagai perlaksanaan dan pengamalan agama oleh individu Muslim yang merangkumi akidah, syariah dan akhlak. Contohnya amalan religiositi seperti solat berkait rapat dengan kesejahteraan dan pencapaian dalam kehidupan, memberi implikasi ketenangan jiwa dan penyelesaian semasa menghadapi tekanan (Saeed, 2011). Individu Muslim perlu menjadikan ibadat sebagai amalan dan pegangan kehidupan, meletakkan syariah sebagai peraturan, menjadikan akhlak mulia

sebagai pegangan hidup serta menjauhi perbuatan seperti syirik yang ditegah oleh Allah s.w.t. (Zulkiple & Nor Salimah, 2006).

### **Akauntabiliti Islam**

Akauntabiliti merupakan tanggungjawab setiap orang Islam untuk melaksanakan tugas yang telah diperintahkan oleh Allah s.w.t sebagaimana yang disebut dalam al-Quran dan al-Hadis (Syed Omar, 1994). Satu prinsip atau sikap yang dihayati dalam kehidupan seharian, hasil daripada motivasi dalaman yang menyebabkan perlaksanaannya dalam kehidupan individu itu secara konsisten berdasarkan etika-etika atau peraturan tertentu. Akauntabiliti berpunca daripada sikap individu itu sendiri yang menyebabkan tindakan atau keputusan yang dibuat selari dengan prinsip yang dipegang (Al-Qaradawi, 1984).

### **Amalan *Ijtima'i***

Amalan *ijtima'i* bermaksud berinteraksi dan melaksanakan sesuatu amalan secara berkumpulan dalam masyarakat (kamusbahasaonline.com)

### **Amalan *Infiradi***

Amalan infiradi bermaksud melaksanakan sesuatu amalan secara bersendirian (Kamus Bahasa Indonesia).

## **1.10 Ringkasan Bab**

Pengamalan religiositi berkait rapat dengan pemantapan akauntabiliti belia Muslim profesional. Jika pengamalan religiositi ini dinafikan kepentingannya, ini bermakna tidak akan ada penyelesaian yang terbaik bagi mengatasi kemelut dan isu akauntabiliti. Harapan penyelidik di akhir penulisan, kajian ini berkemampuan untuk memberikan cadangan-cadangan bernas berkaitan dengan dimensi pengamalan religiositi serta dapat dijadikan sebagai panduan kepada semua pihak yang berkepentingan.

## RUJUKAN

- Ahmad Sarji bin Abdul Hamid. (1994). *The Civil Service of Malaysia: Towards Vision 2020*. Kuala Lumpur: Government of Malaysia.
- Agustian. (2009). *Bangkit Dengan 7 Budi Utama*. Jakarta: PT. ARGA Publishing.
- Aishah Hj. Kasa. (2009). *Pembangunan Instrumen Pengukuran Psikologi Keusahawanan Belia Malaysia*. (Tesis yang tidak diterbitkan). Universiti Putra Malaysia.
- Al-'Arifi, M. (2008). *Enjoy Your Life*. Riyad Darussalam Global Leader in Islamic Book.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad ibn Al-Ghazali. (1988). *Ihya 'Ulum al-Diin*. Jilid 1-8. Kuala Lumpur. Terbitan Victory Ajensi.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad. (1993). *Ayyuha al-Walad*. Kaherah: Dar al-Tawzi wa al-Nasr al-Islamiyyah.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad. (2004). *Minhaj al-'Abidin*. Terjemahan Abu Mazaya alHafiz. Johor Bharu: Jahabersa.
- Al-Qaradawi, Yusuf. (1984). *Ke arah Perlaksanaan Syariah Islamiyyah*. Terjemahan Abdul Rahman Ahmad Jerlun. Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar.
- Al-Qaradawi, Yusuf. (1989). *Khasais al-'Ammah li al-Islām*. Qahirah: Mu'asasah al Risalah.
- Al-Wa'iy, T.Y. (2004). *Iman Membangkitkan Kekuatan Terpendam*. Jakarta Timur Al-I'tishom Cahaya Umat.
- Ali Hamsa. (2017). *Amanat KSN 2017*. Sempena majlis penganugerahan surat kenaikan pangkat pegawai pengurusan dan profesional serta kumpulan pelaksana. Diakses pada 2 Mei 2017 melalui laman web <http://www.jpm.gov.my>
- Anisah Beth Bagasra. (2010). *Acculturation, Religious Commitment and Conceptualization of Mental Illness in the Muslim American Community*. (Tesis Ijazah Sarjana). Saybrook University, San Francisco. Diakses pada 25 Februari 2016 melalui laman web <http://search.proquest.com/pqdtglobal/docview/868570354/8818977EA672486FPQ/1?accountid=42518>
- Annalakshmi, N. & Abeer, M. (2011). Islamic worldview, religious personality and resilience among muslim adolescent students in India. *Europe Journal of Psychology*, 716-738.
- Arti Kata Ijtimai. Diakses pada 23 Mac 2018 melalui laman web <https://kamusbahasaonline.com/pengertian-ijtimai-kamus-agama-islam>

- Arti Kata Infiradi. Diakses pada 23 Mac 2018 melalui laman web <http://www.kamuskbbi.id/kbbi/artikata.php?mod=view&Infiradi&id=32068-arti-maksud-definisi-pengertian-Infiradi.html>
- Auni Abdullah. (2000). *Hisbah Dalam Pentadbiran Negara*. Kuala Lumpur: Terbitan IKDAS Sdn. Bhd.
- Azimi Hamzah. (2007). *Kesediaan Belia Sebagai Tunggak Negara Maju*. Pusat Pengembangan, Kemajuan dan Pemajuan Profesional Universiti Putra Malaysia.
- Azma, M. (2006). *Pengukuran Tahap Penghayatan Pendidikan Islam Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah Di Malaysia*. (Tesis PhD tidak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azrin binti Ibrahim. (2013). Peranan guru pendidikan islam dalam pembentukan akhlak murid dari aspek hubungan guru-guru berasaskan abu talib al-makki (w.386H/996M). *Jurnal Muamalat Hisbah Dalam Pengurusan Islam: Falsafah dan Etika Perlaksanaan*, 113-132.
- Baharom Mohamad, Ali Suradin & Za'aba Helmi Khamisan. (2008). Peranan pendidikan islam dan pendidikan moral dalam membina sahsiah pelajar berkualiti. *Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Biro Pengaduan Awam (BPA). Diakses pada 15 Januari 2017 melalui laman web <http://www.pcb.gov.my/bm>
- Bogdan, R.C. & Biklen, S.K. (2003). *Qualitative Research in Education: An Introduction to Theory and Methods (3rd ed.)*. Boston Allyn & Bacon. Inc.
- Bryan D. Burks. (2006). *The Impact of Ethics Education and Religiosity on the Cognitive Moral Developing of Senior Accounting and Business Students in Higher Education*. (Tesis Ijazah Sarjana). Nova Southeastern University. Diakses pada 23 Februari 2016 melalui laman web <http://search.proquest.com/pqdtglobal/docview/304909496>
- Buletin Institusi Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPPBM). Diakses pada 10 Mac 2017 melalui laman web <http://www.ippbm.gov.my/dokumen/buletin/edisi-iii-sept-2008.pdf>
- Conroy, S., & Emerson, T. (2004). Business ethics and religion: Religiosity as a predictor of ethical awareness among students. *Journal of Business Ethics*, 50(4), 383-396.
- Cornwall, M., Albrecht, S., Cunningham, P., & Pitcher, B. (1986). The dimensions of religiosity: A conceptual model with an empirical test. *Review of Religious Research*, 27(3): 226-243.
- Covey, S.R. (2004). *The 7 Habits of Highly Effective People: Powerful Lesson in Personal Change*. New York: Free Press, A Division of Simon & Schuster, Inc.

- Cresswell, J.W. (2005). *Educational Research: Planning, Conducting and Evaluating Quantitative and Qualitative Research*. New Jersey: Pearson Education International.
- Cresswell, J.W. (2008). *Educational Research: Planning, Conducting and Evaluating Quantitative and Qualitative Research*. Pearson/Merrill Prentice Hall.
- Cresswell, J.W. (1994). *Research Design: Qualitative and Quantitative Approaches*. Sage Publications.
- Cresswell, J.W. (1998). *Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing among Five Traditions*. Sage Publications.
- Danilah Salleh & Siti Nabiha Abdul Khalid. (2011). Accountability practice at local government of Malaysia. *2nd International Conference on Business and Economic Research Proceeding (ICBER 2011)*. Universiti Sains Malaysia.
- Dina Shalabi. (2010). *A Multiple Case Study on Parents' Perspective About the Influence of the Islamic Culture on Muslim Children's Daily Lives*. (Tesis Ijazah Sarjana). Ottawa University. Diakses pada 18 Februari 2016 melalui laman web <http://search.proquest.com/pqdtglobal/docview/871415369/9CF041A3DB6A43D5PQ/1?accountid=42518>
- Donahue, M. (1985). Intrinsic and extrinsic religiousness: review and meta-analysis. *Journal of Personality and Social Psychology*, 48(2): 400-419.
- Dorthe Heinsohn. (2012). *Spirituality in the Workplace: An Empirical Analysis of the Moderator Effect of Demographics on the Relationship among Spirituality, Attitudes and Behaviour at Work*. (Tesis Ijazah Sarjana). Lawrence Technological University. Diakses pada 19 September 2017 melalui laman web <http://search.proquest.com/pqdtglobal/docview/304909496>
- Dzuhailmi Dahalan, Steven Eric Krauss, Azimi Hamzah & Abd Hadi Sulaiman. (2014). Pegangan agama dalam kalangan belia pelbagai kaum di Malaysia. *Journal of Social Science and Humanities*, 117-130.
- Esposito, J.L. (2005). *Islam: The Straight Path*. New York: Oxford University Press.
- Fadzliaton. (t.th). Rancangan Malaysia ke-11. Bab 5 model pembangunan insan. Diakses pada 1 Mei 2017 melalui laman web <https://www.slideshare.net/Fadzliaton/rancangan-malaysia-ke11-bab-5-pembangunan-modal-insan>
- Fatimah wati Halim, Muhammad Zahir bin Mazlan & Fatimah Omar. (2015). Personaliti dan nilai peribadi asas pegawai tadbir diplomatik dalam era transformasi sektor awam. *Jurnal Psikologi Malaysia*. Pusat Pengajian Psikologi dan Pembangunan Manusia. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Gay, L. & Airasian, P. (2006). *Educational Research: Competencies for Analysis and Application*. New Jersey: Prentice-Hall, Inc.



- Giorgi, A. (2009). *The Descriptive Phenomenological Method in Psychology: A Modified Husserlian Approach*. Duquesne University Press.
- Giorgi, L., & Marsh, C. (1990). The protestant work ethic as a cultural phenomenon. *European Journal of Social Psychology*, 499-517.
- Glesne, C & Peshkin, A. (1992). *Becoming Qualitative Research*. White Plains: Longman.
- Glicken, M.D. (2006). *Learning from Resilience People*. Sage Publication, Inc.
- Groenewald, T. (2004). A phenomenological research design illustrated. *International Journal of Qualitative Methods*, 1-26.
- H. Ibrahim Lubis. (1982). *Agama Islam: Suatu Pengantar*. Jakarta Timur: Ghalia Indonesia.
- Hasan al-Banna. (2000). *Majmu'ah al-Rasa'il li al-Imam al-Syahid Hasan al-Banna* (Mesir: al-Basa'ir wa al-Dirasat (t.t): Hasan al-Banna, Risalah Pergerakan Ikhwan al-Muslimin terjemahan: Penerbit Era Intermedia, 168-169.
- Hasan Al-Banna Mohamed, Ab. Mumin Ab. Ghani dan Siti Arni Basir. (2013). Sistem pengurusan islam yang berkualiti mampu menjamin kepuasan pekerja: Suatu realiti dan cabaran masa hadapan. *Committee on Publication Ethics (COPE)*, 67-84.
- Institut Integriti Malaysia. (t.th). Pembudayaan integriti di dalam komuniti Malaysia. Diakses pada 15 Oktober 2014 di laman web [http://newsdata2.bernama.com/newsletter/iim\\_v2/pdf/iim\\_bmv3.pdf](http://newsdata2.bernama.com/newsletter/iim_v2/pdf/iim_bmv3.pdf)
- Jamiah Hj Manap. (2005). *Kesahan dan Kebolehpercayaan Inventori Religiositi dan Personaliti Muslim*. (Tesis yang tidak diterbitkan). Universiti Putra Malaysia.
- Jumlah umat muslim. (2015). Diakses pada 19 November 2017 di laman web <https://islamislami.com/2015/10/18/jumlah-umat-muslim-dunia-terkini>
- Kamarul Azmi Jasmi (2011). Pendidikan islam: Cabaran di alaf baru. Seminar Pendidikan Islam. Madrasah Idrisiah, Kuala Kangsar. Diakses pada 15 Oktober 2014 di laman web <https://www.researchgate.net/publication/293097640>
- Kamarul Azmi Jasmi (2012). Kesahan dan kebolehpercayaan dalam kajian kualitatif. Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1. Puteri Resort Melaka. Diakses pada 15 Oktober 2014 di laman web <http://eprints.utm.my/id/eprint/41091/1>
- Kale, S. H. & Shrivastava, S. (2003). The enneagram system for enhancing workplace spirituality. *Journal of Management Development*, 308-328.
- Khalid Ibrahim. (2012). *Fearless from Kampung Boy to CEO*. Shah Alam, Selangor Menteri Besar Inc.

- Khalidah binti Haron. (2015). *Leadership Practices and Principles of a Malay-Muslim Chief Executive Officer at a Selected Malaysian Government Linked Company*. (Tesis yang tidak diterbitkan). Universiti Putra Malaysia.
- Kohlberg, L. (1981). *Essays on Moral Development Volume One: The Philosophy of Moral Development*. San Francisco, CA: Harper and Row.
- Krauss, S.E. (2008). The global youth anti-culture: Realities, trends and implications for Malaysian youth research. *Pertanika Journal of Social Science and Humanities*, 75-84.
- Kumar, N. & Rose, R.C. (2010). Examining the link between Islamic work ethic and innovation capability. *Journal of Management Development*, 79-93.
- Kvale, S. (1996). *Interviews: An Introduction to Qualitative Research Interviewing*. Thousand Oaks, California: Sage Publication.
- Laporan Daya Saing Global. Di akses pada 19 November 2017 melalui laman web [http://www.mpc.gov.my/wp-content/uploads/2017/10/GCR-2017\\_bm.pdf](http://www.mpc.gov.my/wp-content/uploads/2017/10/GCR-2017_bm.pdf)
- Malaysiakini.com. Diakses pada 2 Oktober 2016 melalui laman web <https://www.malaysiakini.com/news/357155>
- Mardzelah Makhsin, Ab. Halim Tamuri, Mohd. Aderi Che Noh & Mohamad Fadhli Elias. (2012). Hisbah pembelajaran sendiri dalam pendidikan Islam. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 45-60.
- Marohaini Yusoff. (2001). *Penyelidikan Kualitatif: Pengalaman Kerja Lapangan Kajian*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Marshall, C. & Rossman, G.B. (1989). *Designing Qualitative Research*. Newbury Park: Sage Publication.
- Marshall, C. & Rossman, G.B. (2006). *Designing Qualitative Research*. Thousands Oaks: Sage Publication.
- Mary T. Libby, Mary F. Piper & Steven Sandbothe. (2005). *Professional Development and Accountability: Linking Best Practices in Education and the Private Sector to Create an Evaluation Framework*. (Tesis Ijazah Sarjana). Saint Louis University. Diakses pada 3 Jun 2016 melalui laman web <https://searchproquest.com.ezaccess.library.uitm.edu.my/pqdtglobal/docview/305440334/BC0E269D4DEC4177PQ>
- Masitah binti Taib. (2008). *Penglibatan Ibu Bapa dalam Pendidikan Kanak-Kanak Bermasalah Pembelajaran*. (Tesis yang tidak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- McNichols, C. & Zimmerer, T. (1985). Situational ethics: An empirical study of differentiators of student attitudes. *Journal of Business Ethics*, 175-180.

- Merriam S.B. (2001). *Qualitative Research and Case Study Application in Education: Revised and Expanded from Case Study Research in Education*. San Francisco. Josse-Bass Inc Publishers.
- Merriam S.B. (2009). *Qualitative Research and Case Study Application in Education: 2nd Edition*. San Francisco. Josse-Bass Inc Publishers.
- Merriam, S.B. (1997). *Qualitative Research and Case Study Applications in Education*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Merriam, S.B. (1998). *Qualitative Research and Case Study Applications in Education*. California: Josey Bass In.
- Merriam S.B. (2014). *A Guide to Design and Implementation*. John Wilsey and Sons.
- Mervyn K.L. (2006). Accountability and islam. *Fourth International Conference on Accounting and Finance in Transition*. Adelaide.
- Mogahed, Y. (2012). *Reclaim Your Heart: Personal Insight on Breaking Free from Life's Shackles*. San Clemente CA: FB Publishing.
- Mohammad Ghozali & Nor 'Azzah Kamri. (2015). Keperibadian islam dan profesionalisme dalam pekerjaan: Satu analisis teoritis. *Jurnal Syariah*. Jilid 23: 255-286.
- Mohd Huefiros Efizi bin Husain, Mohd Nasir bin Abd Majid & Muneer Ali bin Abdul Rab. (2017). Hubungan masalah al-mursalah kepada pembangunan belia muslim berintegriti di kawasan perumahan: Satu kajian di taman senai utama. *The Malaysian Journal of Islamic Sciences*.
- Mohd Ismail, M. (2005). *Menjadi Belia Cemerlang*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Mohd. Kamal Hassan. (1985). Penghayatan islam dalam mempelajari dan mengembangkan ilmu. *Jurnal Pendidikan Islam ABIM* (3), 12-39.
- Mohd. Nasir, O. & Ibrahim, A. B. (2011). *Akidah dan Akhlak Islam*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Nasir Omar. (2005). *Akhlak dan Kaunseling Islam*. Kuala Lumpur Utusan Publications and Distributor Sdn. Bhd., 149 - 164.
- Morrow, S.L. (2007). *Qualitative Research in Counseling Psychology Conceptual Foundations*. Sage Publication.
- Muslim, *Sahih Muslim*, Kitab al-Qadr, Bab fi al-Amr bi al-Quwwah wa Tark al-'Ajz wa al-Isti'anah billah wa Tafwid al-Maqadir lillah. (Mesir: 'Isa al-Babi al-Halabi, 1970).
- Naghme Nancy Moayed. (2009). *Islamic Work Ethic and Muslim Religious Belief Impact on Organizational Commitment in the Workplace*. University of

Phoenix. Diakses pada 25 Julai 2015 melalui laman web <https://search-proquestcom.ezaccess.library.uitm.edu.my/pqdtglobal/docview/305120344/42E7169A45334D1EPQ/1?accountid=42518>

- Naqsyabandi, I.A. (2008). *Mengenal Diri dan Cabaran Zaman*. Kuala Lumpur. Hidayah Publication.
- Neuman, W.L. (2006). *Social Research Methods: Qualitative and Quantitative Approaches*. Toronto: Pearson.
- Norhayati binti Ya'akob. (2013). *Kajian Terhadap Faktor Kemurungan bagi Pelajar Darjah Empat, Darjah Lima dan Darjah Enam di Tiga Buah Sekolah Agama Daerah Johor Bahru, Johor Darul Ta'zim, Malaysia*. Disertasi Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam. Open University Malaysia.
- Norul Huda Binti Bakar & Mariam Abd. Majid. (2016). Faktor-faktor yang mempengaruhi penghayatan hidup beragama: satu sorotan literatur. *Seminar Antarabangsa Akidah, Dakwah dan Syariah*. Di akses pada 23 Mac 2018 melalui laman web <http://conference.kuis.edu.my/irsyad/eproceeding/2016/1080-irsyad-2016.pdf>
- Nurul Izzati bt Nazirmuddin & Nazirmuddin bin Ahmad. (2011). Pembangunan modal insan di malaysia: Satu analisis dari perspektif al-hadis. *Seminar Antarabangsa Sunnah Nabawiyah: Realiti dan Cabaran Semasa (MUSNAD)*.
- Polkinghorne, D.E. (2005). Language and meaning: Data collection in qualitative research. *Journal of Counselling Psychology*, 137-145.
- Pargament, K., Kennell, J., Hathaway, W., Grevengoed, N., Newman, J. & Jones, W. (1988). Religion and the problem-solving process: Three styles of coping. *Journal for the Scientific Study of Religion*, 90-104.
- Parks, S. (2006). *How to be an Entrepreneur: The Six Secrets of Self-Made Success*. New York: Pearson Prentice Hall.
- Patton, M.Q. (1990). *Qualitative Evaluation and Research Methods*. New Bury Park: SAGE Publication.
- Punch, K.F. (1998). *Introduction to Social Research : Quantitative and Qualitative Approaches*. London: Sage Publication.
- Qaradawi, Y. (2012). *Kumpulan fatwa Prof. Dr. Yusuf Qaradawi* Kuala Lumpur: Seribu Dinar Sdn Bhd.
- Qutb, Sayyid. (1983). *al-Mustaqbal li hadha al-Din*. Kaherah: Dar al-Syuruq.
- Rancangan Malaysia Ke Sebelas 2016-2020. Pertumbuhan berpaksikan rakyat ucapan YAB perdana menteri di dewan rakyat 21 Mei 2015. Di akses pada 5 Mei 2017 melalui laman web <https://www.epu.gov.my/sites/default/files/Teks-Ucapan-RMK11.pdf>

- Lyn Richards & Janice M. Morse. (2007). *Readme First for a User's Guide to Qualitative Methods*. Sage Publications.
- Rohana Tan & Norhasni bin Zainal Abidin. (2016). Tinjauan permasalahan akhlak belia di institusi pengajian tinggi. *Mimbar Pendidikan: Jurnal Indonesia untuk Kajian Pendidikan*. Diakses pada 24 Mac 2018 melalui laman web <https://www.researchgate.net/publication/313537959>
- Rohana Tan, Norhasni Zainal Abidin, Azimi Hamzah & Fathiyah Mohd Fakharuddin. (2013). Pengaruh faktor psikososial ke atas penghayatan akhlak islam dalam kalangan belia institusi pengajian tinggi awam terpilih di malaysia. *Jurnal Personalia Pelajar*, 55-64.
- Rohayati Binti Derani. (2004). *Persepsi Ibu Bapa Terhadap Faktor-Faktor Keruntuhan Akhlak Remaja Islam Masa Kini: Satu Tinjauan di Taman Aman Anak Bukit, Alor Setar Kedah*. Disertasi yang tidak diterbitkan.
- Said Hawwa. (1998). *Mensucikan jiwa. Konsep tazkiyatun nafs terpadu*. Intisari Ihya 'Ulumuddin Al-Ghazali. Robbani Press.
- Salsman, J.M., Brechting, E.H. & Carlson, C.R. (2005). The link between religion and spirituality and psychological adjustment: The mediating role of optimism and social support. *Personality and Social Psychology Bulletin*, 522.
- Sarah Saeed. (2011). Use of islamic faith practices as a coping mechanism for chronic illness. (Tesis Ijazah Sarjana). Diakses pada 18 Februari 2016 melalui laman web <http://search.proquest.com/pqdtglobal/docview/1475203500/7ED8A1F768EA429APQ/1?accountid=42518>
- Satori, D.A. & Komariah, A. (2010). *Metodologi Penelitian Kualitatif. Edisi ke-2*. Bandung: Penerbitan Alfabeta.
- Saxton, T. & Trogdon, A.W. (2006). *Running Things the Resilient Spirit of an Entrepreneur*. Bloomington, Indiana Author House.
- Schottman, S.A. (2011). The pillars of "Mahathir's Islam: Mahathir mohamad on being-muslim in the modern world. *Asian Studies Review*, 355-372
- Schuller, R.H. (2010). *8 Positive Attitudes*. Mumbai Jaico Publishing House.
- Shahrudin, B., A. Azman & C.S. Mazlan. (2010). Belia 1 malaysia: Antara cabaran dan harapan. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 52-7.
- Sharifah Hayaati Ismail al-Qudsy. (2010). *Etika Penjawat Awam dari Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan pustaka.
- Shepard, J. & Hartenian, L. (1991). Egoistic and ethical orientations of university students toward work-related decisions. *Journal of Business Ethics*, 303-310.

- Shukri Ahmad & Musa Yusuf Owoyemi. (2012). Islam and work ethics: An analysis of some salient points in the prophetic tradition. *International Journal of Business and Social Science*. Vol. 3 No. 20.
- Siddiquee, N.A. (2010). Managing for results: lessons from public management reform in Malaysia. *The International Journal of Public Sector Management*. Bradford: Vol. 23, 38.
- Silverman, D. (2000). *Doing Qualitative Research. A Practical Handbook*. London Thousand Oaks, New Delhi: Sage.
- Siu, N., Dickinson, J. & Lee, B. (2000). Ethical evaluations of business activities and personal religiousness. *Teaching Business Ethics*, 239-256.
- Sokolowski, R. (2000). *Introduction of Phenomenology*. Cambridge University Press.
- Stewart Ray Stanfield. (2011). *Reputable Conduct: A Qualitative Study of Ethical Drifting*. (Tesis Ijazah Sarjana). University of Phoenix.
- Strauss, A. & Corbin, J. (1990). *Basic of Qualitative Research: Grounded Theory Procedures and Techniques*. California, London: Sage.
- Syamsu Yusuf. (2008). *Psikologi Belajar Agama*. Bandung: Maestro.
- Syed Omar Bin Syed Agil. (1994). Konsep akauntabiliti dalam Islam. *Seminar Pengurusan Abad ke 21 Peringkat Kebangsaan*. Universiti Utara Malaysia.
- Thomas, R. (1997). *Moral Development Theories-Secular and Religious*. Westport, CT: Greenwood Press.
- Tinker, T. (2004). The enlightenment and its discontents: Antinomies of christianity, islam and the calculative sciences. *Accounting, Auditing & Accountability Journal*, 442-475.
- Vujicic, N.J. (2012). *Unstoppable: The Incredible Power of Faith in Action*. Colorado: Waterbook Press.
- Wiersma, W. (1991). *Research Methods in Education. 5th ed*. Boston: Allyn & Bacon.
- Woodrum, E. (1988). Determinants of moral attitudes. *Journal for the Scientific Study of Religion*, 553-573.
- www.transparency.org. Diakses pada 2 Januari 2017 melalui laman web <https://www.transparency.org/cpi2015#results-table>
- Yin, R.K. (1989). *Case Study Research: Design and Methods (Revision edition)*. Newbury Park, CA: Sage.
- Yin, R.K. (1994). *Case Study Research: Design and Methods. 2nd ed*. Thousand Oak, Calif: Sage.

Zakaria Stapa. (2002). Akhlak islam dan gaya hidup muslim semasa: Analisis konsep dan agenda bertindak. *Jurnal YADIM*.

Zulkiple Abd Ghani dan Nor Salimah Abu Mansor. (2006). Penghayatan agama sebagai asas pembangunan pelajar analisis terhadap beberapa pandangan imam al-ghazali. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Bangi Selangor. Di akses pada 10 September 2017 melalui laman web [http://eprints.utm.my/375/1/ZulkipleAbdGhani2006\\_Penghayatanagamaasebagaiasaspembangunan.pdf](http://eprints.utm.my/375/1/ZulkipleAbdGhani2006_Penghayatanagamaasebagaiasaspembangunan.pdf)

